

ISLAM LIBERALISASI: ISU, ANCAMAN, CABARAN DAN USAHA MEMBENDUNGNYA – PENGALAMAN MALAYSIA¹

Azizan Baharuddin²

A – MUQADDIMAH

Tidak dapat dinafikan akhir-akhir ini kita menyaksikan pelbagai perkembangan Islam-liberal yang cukup membimbangkan, termasuk yang digambarkan sebagai fenomena *Islam bashing*. Sebagai contoh, Islam dimitoskan sebagai agama kekerasan yang mengajarkan terorisme. Oleh itu Islam dipersalahkan setiap kali berlakunya insiden gangguan keselamatan. Di waktu yang sama, dari dalam kelompok masyarakat Islam sendiri, muncul berbagai jenis pemikiran yang mengelirukan. Terdapat idea-idea yang dipakej dan diperlihatkan sebagai produk wacana keintelektualan yang mengundang kontroversi dan yang melemahkan imej serta perpaduan umat Islam. Sama ada idea-idea ini memakai label “liberal” atau tidak, yang dikhawatirkan ialah terhakisnya hakikat Islam yang sebenar apabila Islam cuba diselekularkan, dimanusiakan, dirasionalkan, serta direlatifkan, sehingga hilang *thawabit* (prinsip asas), *mutlaqat* (hal-hal yang tetap, mutlak dan muktamad), *muqaddasat* atau kekudusannya. Kebimbangan ini disuarakan oleh penulis-penulis seperti Siddiq Fadzil dan Khalif Muammar³ misalnya. Mereka juga menyuarakan

¹ Dibentang dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) bagi MABIMS kali ke-43 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali ke-18 pada 12 November 2018 di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.

² Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

³ Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil merupakan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1440H, manakala Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A. Harris ialah pensyarah dan Koordinator Hal Ehwal Akademik di Center for Advanced studies on islam, Science and Civilisation (CASIS). Khalif Muammar, Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal; pengantar Dato' Dr. Siddiq Fadzil. (Akademi Kajian Ketamadunan, 2006), 1-4.

apakah memang ada semacam projek memerangi Islam menerusi projek *intellectual crusade*, *converting the Muslim* dan *converting Islam* supaya tercipta seakan-akan “Islam versi baru”.

Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

(Surah al-Imran, 3: 19)

Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh beriman.

(Surah al-Imran, 3: 139)

Daripada AbiSa'id al-Khudri r.a., bahawa Nabi SAW telah bersabda: “Kamu akan mengikuti jalanan golongan yang sebelum kamu sejahtera demikian, sejahtera demikian

*sehingga lalih jika mereka masuk ke lubang biawak (pasir) sekalipun, kamu akan mengikutinya. Kami berkata: Wahai Rasulullah, Yahudi dan Nasrani? Baginda menjawab: Siapa lagi?*⁴

Bagi membantu kebejatan yang kita hadapi hari ini, perlulah ditampilkan Islam dalam citra aslinya sebagai yang *al-haqq*. Perlulah aliran liberal yang mempunyai kecenderungan untuk melewati batas keagamaan dengan tuntutan mentafsirkan Islam dan mempertikaikan syariat Allah, hukum-hukum fiqh serta undang-undang moral agama dengan hujah-hujah rasional didepani dan dipulihkan aqidah pengikut-pengikutnya. Idea liberalisme dan gagasan kebebasan individu dalam dan daripada agama yang mengancam aqidah *ahl Sunnah wal Jamaah* perlulah ditangani segera⁵.

Definisi, Asal-Usul Pemikiran Liberal dan Penggunaan Istilah Islam-Liberal.

Dalam kurun ke-15-16 di Eropah, “liberal” bermaksud “tidak terikat”, atau bebas daripadakekangan dalam bentuk percakapan dan perbuatan. Liberalisme berasal daripada falsafah humanisme yang mempersoalkan kuasa Gereja semasa zaman *Renaissance*. Pergerakan yang benar-benar boleh dinamakan sebagai liberal bermula pada zaman Kebangkitan, secara khasnya, di kalangan parti Whigs di Britain, ahli-ahli falsafah di Perancis dan pergerakan untuk pemerintahan sendiri di tanah jajahan atau koloni British di New England (Amerika Utara).

⁴ Al-Bukhari, 1987, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Anbiya’, Bab MaZukira ‘An Bani Isra’il, hadith no. 3269, j.3, hlm. 1272. Dlm. Mohd Aizam Mas’od. 2012. Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya Kepada Iman. Jurnal Penyelidikan Islam, Bil. 25.

⁵ Mohd Farid Shahran (2018) Liberalisasi Agama, Media Baru Serta Keceluaran Nilai

Pergerakan-pergerakan ini menentang pemerintahan beraja yang berkuasa mutlak dan bentuk-bentuk agama yang dianggap kuno dan yang berpaderi.

Mohd Farid Mohd Shahran turut menjelaskan bahawa kefahaman yang jelas terhadap pengertian liberalisme dalam konteks menjaga kesucian dan hujah prinsip-prinsip dalam Islam yang sebenarnya wajar diwacanakan terutamanya dalam mendepani gerakan liberalisme yang kian marak saat ini. Golongan yang mempunyai ideologi liberal berkeyakinan kuat untuk meyakinkan masyarakat dalam pentafsiran Islam dan mencabar kedudukan ulama. Penggunaan istilah seperti “Islam liberal” perlu diteliti dengan kritikal, dan dinilai sekiranya terdapat keperluan untuk mengetengahkan terma lain sebagaimana yang pernah dilakukan oleh ulama terdahulu dalam mengklasifikasikan kelompok yang menyeleweng. Sebenarnya terdapat banyak peringkat dan jenis keliberalan yang boleh dikesan; ada yang cenderung menolak agama secara keseluruhan, ada juga segelintir yang menerima agama tetapi dengan cara yang sangat longgar dalam pentafsiran agama tersebut⁶.

Istilah “Islam liberal” (IL) tidak wajar kita biar digunakan sewenang-wenangnya kerana ia bagaikan menggunakan agama sebagai umpan. Islam secara asasnya sudah sedia lengkap, maka label **Islam liberal** ini boleh dianggap sebagai satu *modus operandi* yang biasa digunakan di dalam penyelewengan aqidah umat Islam. Banyak perkara yang dibawa oleh pemikiran IL ini

⁶ Kenyataan Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang- Undang dan Politik (SYARAK), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di dalam akhbar Berita Harian, Waspada Umpan Istilah ‘Islam Liberal’ bertarikh 28 Ogos 2018.

yang bertentangan dengan hukum Islam seperti mengaitkan ajaran agama sebagai tidak adil, mengongkong, ketinggalan zaman, dan IL turut memperjuangkan hak untuk murtad⁷.

Namun dari sudut lain, sekiranya pandai kita membuat strategi, istilah IL sebenarnya dapat menyedarkan masyarakat bahawa gerakan IL ini adalah **salah dan bertentangan dengan agama** dan **masyarakat harus jangan terperangkap dengannya**. Golongan liberal menggunakan jarum halus bersifat psikologikal dan dengan menggunakan media sosial untuk mempengaruhi masyarakat. Oleh itu, amat perlu kita mengenali IL dan berdialog dengan mereka yang menyokongnya agar mereka keluar daripada penyembunyian di sebalik media-media sosial yang ada seperti yang berlaku hari ini⁸.

Impak Islam Liberal

Di antara kesan Islam liberal (IL) termasuklah sekularisme, pluralisme agama, hermeneutika dan feminism:

- i. Sekularisme: Berasal dari bahasa Latin *saeculum* yang merujuk kepada dua pengertian iaitu waktu dan ruang (atau tempat). Sekularisme juga bermaksud pemisahan antara agama dan urusan dunia, nilai manusia boleh berubah mengikut keadaan ruang dan tempat.

⁷ Ulasan Engku Ahmad Fadzil Engku Ali, fellow Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) di dalam akhbar Berita Harian, Waspada Umpam Istilah ‘Islam Liberal’ bertarikh 28 Ogos 2018.

⁸ Kenyataan Dr Ahmad Munawar Ismail, Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di dalam akhbar Berita Harian, Waspada Umpam Istilah ‘Islam Liberal’ bertarikh 28 Ogos 2018.

- ii. Pluralisme Agama: Konsep semua agama adalah sama iaitu semuanya menuju kepada Tuhan yang satu, agama Islam dan bukan Islam dianggap setanding dan sama-sama benar.
- iii. Hermeneutika: “Pentafsiran” semula al-Quran menggunakan kaedah pentafsiran Bible. Teks al-Quran dikaji dan diubah mengikut selera pentafsir.
- iv. Feminisme: Perjuangan menyamakan lelaki dan wanita dalam segala hal, wanita diberi kuasa menjatuhkan talak, pembahagian harta pusaka sama antara lelaki dan wanita, poligami adalah tidak sah.

Implikasi IL terhadap kedudukan dan penganut Islam di Malaysia berdasarkan kes-kes yang **terpilih** termasuklah isu Artikel 121 (1A), isu penubuhan *Interfaith Council* (IFC), isu fatwa “*Sisters in Islam*”, kumpulan G25, dan gerakan LGBT⁹.

- 1) Isu artikel 121 (1A)¹⁰:

⁹ Manuti, M.N. (2006). Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya Kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi. *Seminar Ancaman Islam Liberal*. Kelantan.

¹⁰ Utusan Malaysia, 2005

Artikel 121 (1A) adalah peruntukan perlembagaan yang menghalang Mahkamah Sivil mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah

Peristiwa kematian Muhammad Abdullah Murthy, seorang pengembara Gunung Everest

Kes ini telah dibesar-besarkan oleh kelompok liberal bahawa Mahkamah Syariah telah campur tangan urusan hidup orang-orang bukan Islam

9 orang Menteri Bukan Islam turut menyampaikan bantahan rasmi

Status: Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, telah meredakan ketegangan isu sensitif tersebut → menegaskan kerajaan Malaysia tidak akan meminda Artikel 121 (1A)

2) Isu penubuhan *Inter Faith Commission (IFC)*^{11,12}:

21 Ogos 2001 – Memorandum penubuhannya dihantar ke Majlis Peguam Malaysia melalui Majlis Kristian Buddha Hindu & Sikh (MCCBCHS)

Tujuan utama IFC → menjadi sebuah suruhanjaya berkuasa menerima dan melayan aduan berkaitan agama dari semua pihak

Mahkamah Sivil digunakan sebagai saluran pelaksanaan → Majlis Agama Islam boleh diperintah oleh Mahkamah Sivil bagi meluluskan perkahwinan gadis Islam yang ingin murtad, sebagai contoh

Semua NGO Islam (kecuali Sisters in Islam) menarik diri menyertai IFC

Status: JAKIM dan Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membendung umat Islam terjebak dalam entiti IFC

¹¹ Mohamad, A. R., Mamat, S. A, Mohd, M. A. (2017). Interfaith Commission Malaysia: Analisis Ke Atas Penubuhannya Dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.

¹² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016). *Kenyataan Media berkenaan Isu Interfaith Commission (IFC) dan Persatuan Melayu Murtad.*

- 3) Isu pertukaran agama dari segi undang-undang¹³:

17 Januari 2006 - Mahkamah Tinggi Persekutuan tidak membenarkan Aishah Begum Nahurghani yang telah membuat afidavit untuk keluar dari agama Islam

Peguam Nanthini (nama Hindu Aishah) berhujah dengan pandangannya yang menyebut bahawa, "Mahkamah Syariah adalah lebih rendah dari Mahkamah Tinggi Persekutuan, Sabah dan Sarawak seperti yang telah diperuntukkan dalam perlombagaan."

Status: Hakim telah membenarkan permohonan JAWI untuk menolak permohonan tersebut

- 4) Isu fatwa mengenai liberalisme dan pluralisme agama¹⁴:

FATWA PEMIKIRAN LIBERALISME DAN PLURALISME AGAMA

1. SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.
4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Bertarikh 17 Julai 2014

*Dated 17 July 2014
[MAIS/SU/BUU/01- 2/002/2013 - 3(4);
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/12]*


Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*


¹³ New Straits Times (2006)

¹⁴ Dokumen Warta Kerajaan Negeri Selangor (2014). Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)

5) Isu fatwa Selangor terhadap *Sister in Islam* (SIS)¹⁵:



6) Kumpulan G25:



¹⁵ Berita Harian (25 Sept 2018). MAIS Tegas Fatwa di Bawah Kuasa Mahkamah Syariah. Diambil pada 29 September 2018. Atas talian: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/478063/mais-tegas-fatwa-di-bawah-kuasa-mahkamah-syariah>

Memahami Liberalisme Sebagai Suatu Konsep Falsafah Kemodenan Pandangan Alam Barat yang Lebih Umum.

Kamus *Oxford* mentakrifkan “moden” sebagai ‘sesuatu yang bersifat semasa dan terkini, dan baru’ (*of the present and recent time, new and up-to-date*). Sekiranya berdasarkan makna ini kita mampu dengan selesa mengatakan bahawa Islam tidak menolak kemodenan kerana sebagai agama yang bersifat sangat Islam harus hadir di dalam dan sesuai dengan semua zaman dan tempat. Akan tetapi, dalam umat Islam mendepani kemodenan, mereka mesti faham bahawa dari segi falsafahnya modernisme boleh juga diiringi oleh aliran-aliran pemikiran seperti **perubahan sosial** dan **kemajuan**. Oleh itu, di dalam keghairahan mengejar kemajuan, setiap fahaman harus diteliti agar ianya dapat disaring dengan kerangka tasawwur, nilai dan prinsip-prinsip al-Qur'an dan hadith untuk memastikan akhirnya pembaharuan/ pembangunan yang diusahakan benar-benar dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam dengan erti kata yang sebenar¹⁶.

Oleh kerana kata kunci gerakan modenisme dan **liberalisme** ialah **perubahan** dan kemajuan, Islam dilihat oleh golongan barat sebagai suatu tradisi yang bersifat **tetap** dan tidak berubah. Keadaan ini yang ditentang dan dianggap kaku sepertimana para pengasasnya melihat agama Kristian di barat di dalam zaman Pertengahan (*The Middle Ages*) mempunyai ciri yang sama. Persoalan yang harus ditanya kepada golongan “Muslim liberal” ialah **apakah** perkara-perkara yang mereka anggap harus berubah dalam konteks masyarakat Islam dan **kenapakah** perkara tersebut harus diubah? Dan yang lebih penting lagi ialah apakah kaedah Perubahan/ *ijtihad* dalam konteks *Ahl Sunnah wal Jamaah* yang lama diguna pakai. Kita bersetuju bahawa berbanding dengan Barat, umat Islam banyak ketinggalan dalam pelbagai bidang kehidupan. Oleh itu banyak perkara yang harus diperbaiki dalam konteks peningkatan ilmu dan kemahiran umat Islam. Kita juga tidak menafikan bahawa masyarakat Islam memerlukan perubahan cara berfikir untuk mereka mampu bersaing dengan kemajuan yang dicapai oleh Barat dan bukan

¹⁶ Mazheruddin Siddiqi, *Modern Reformist Thought in the Muslim World* (New Delhi: Adam Publishers and Distributors, 1993), 1-2; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993)

Islam. Tetapi ini tidak bermakna mereka harus atau perlu memperlekeh atau mengenepekan tradisi silam (ajaran Islam yang asal) untuk mencapai matlamat tersebut. Mungkin bukan **kandungan** pengajaran yang telah diberikan oleh ulama silam yang bermasalah akan tetapi cara memahami/ pendidikan agama (tradisi) yang sebenarnya yang perlu diperbaiki. Sekiranya ada para pendidik agama kini yang lemah di dalam menyampaikan isi kandungan Islam, yang harus ditolak atau diperbaiki ialah cara pengajarannya dan bukan isi/ kandungan tradisi Islam tersebut. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian-kajian yang memperlihatkan betapa cara pendidikan Islam perlu dijadikan lebih berkesan lagi¹⁷.

Persoalan yang lebih penting ialah sudahkah kita meletakkan usaha yang bersungguh-sungguh dan semaksimum mungkin dalam mengumpul, mempelajari, mengkaji, menganalisis dan menyebarluaskan khazanah ilmu dalam tradisi kita? Sekiranya premisnya adalah kerana pemikiran tradisi itu adalah lapuk dan ketinggalan zaman seperti yang dianggap oleh golongan itu, maka persoalan yang boleh diajukan kepada mereka adalah, adakah semua persoalan kontemporari dan moden yang dihadapi oleh masyarakat Islam sekarang secara keseluruhannya merupakan masalah yang baru, sehingga kita tidak memerlukan panduan dari tradisi keilmuan Islam mengenainya? Mungkin menarik sekiranya kita mengetahui bahawa banyak persoalan falsafah yang telah diserang oleh al-Ghazali (M.1111M) dalam karyanya *Tahafut al-Falasifah* hampir seribu tahun yang lalu telah menjelma kembali dalam wacana pemikiran Barat sekarang terutamanya dalam bidang sains. Misalnya perbahasan mengenai *Quantum Physics* yang mempunyai banyak persamaan dengan teori atom (*jawhar* dan '*arad*) dalam ilmu kalam

¹⁷ Lihat misalnya: Rosnani, H. (2015). Kajian keberkesanan kaedah pengajaran, sukanan pelajaran dan pentaksiran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan: Dapatan Keseluruhan dan Analisis. Kertas kerja di Muzakarah Pakar Pembentangan Kajian Keberkesanan Pendidikan Islam, 20 Oktober 2015, Dewan Besar IKIM. Kuala Lumpur dan Zainun Mustafa (2018). Tahap Religiositi dan Fasa Berfikir di kalangan Murid Mengikuti Program Bioda'i. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.

abad ke-9 dan 10. Dalam konteks ini tradisi ilmu silam seharusnya menjadi peluang kepada masyarakat Islam Moden dan bukannya ancaman atau bebanan sejarah. Penguasaan terhadap ilmu tradisi merupakan nilai tambah yang memperkaya khazanah intelektual Muslim hari ini dan bukannya satu kelemahan dan petanda kekolotan seperti yang dibayangkan oleh golongan IL.

Mungkin golongan IL boleh diingatkan bahawa hampir seluruh dunia barat hari ini telah mengakui kepentingan agama sebagai satu-satunya disiplin ilmu dan praktik yang mampu merubah kepercayaan dan kelakuan manusia untuk menyelamatkan bumi yang sedang diancam oleh krisis ketidaklestarian yang belum pernah sebegitu serius seperti hari ini di dalam keseluruhan sejarah hidup manusia di muka bumi ini dari sudut ekonomi sosial dan alam sekitar¹⁸.

Kekeliruan Yang Muncul Akibat Fahaman Islam Liberal¹⁹

Kekeliruan yang telah dibawa oleh kelompok Islam liberal dapat dilihat daripada beberapa sudut, di antaranya di dalam merungkai asas agama itu sendiri, iaitu dari sudut pentafsiran Al-Quran dan autoriti hadith Nabi Muhammad SAW.

Dengan membuka ruang tanpa had jenis/ kaedah pentafsiran agama dan menganggap kesemua tafsiran tersebut benar, golongan ini telah menisbikan pentafsiran agama dan menolak kewibawaan (*authority*) yang telah sedia terbina dalam tradisi ilmu Islam. *Ijma'* dan *ijtihad* yang telah dilakukan oleh ulama-ulama silam yang telah diterima oleh masyarakat ilmiah dan masyarakat awam selama beratus tahun menggambarkan adanya kelompok '*ahl ad-dhikr*'

¹⁸ Paula J. Posas. (2007). Roles of Religion and Ethics in Addressing Climate Change. ESEP Vol 2007: 31-49

¹⁹ Mohd Farid Mohd Shahran. Islam Liberal dalam Peta Pemikiran Islam Semasa. Seminar Ajaran Sesat (Aliran Pemikiran Islam Liberal) Peringkat Negeri Selangor, 23 September 2006, Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam.

(*experts*) dalam setiap bidang ilmu agama yang harus dii'tiraf dan di dekati dengan pendekatan hormat kritis dan bukan penolakan yang totok. Namun apabila golongan IL bersikap ingin membuat pembaharuan ‘*pushing the limits*’ terhadap wibawa keilmuan ini, mereka membuka ruang tanpa had untuk semua jenis pentafsiran dan menganggap pentafsiran-pentafsiran tersebut sebagai sama tahap kewibawaannya didalam pemahaman agama. Hasilnya ialah ramai di kalangan masyarakat Islam yang telahpun dididik dengan asas-asas agama yang meyakinkan, menjadi keliru dan goyah akidahnya.

Lantaran kurangnya ilmu dan iman mereka, mungkin ramai di kalangan kelompok IL tidak memahami bahawa Islam sebenarnya merupakan agama pembebasan (daripada segala kelemahan manusia). Islam datang dengan misi *istiqlal* (kemerdekaan) dan *hurriyyah* (kebebasan) untuk membebaskan manusia dari pengabdian jahiliyyah sesama manusia kepada pengabdian yang tulus kepada Allah (yang sebenarnya kemerdekaan yang tertinggi). Kebebasan yang dianjur oleh Islam bukan dengan cara merungkaikan apa yang telah disusun rapi oleh agama menerusi pentafsiran yang berwibawa oleh ulama-ulama silam. Tajdid dalam Islam mesti bersifat *islahi* iaitu pembebasan dari keburukan kepada kebaikan. Kita tidak mahu menjadi seperti golongan yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai yang membuat *fasad* akan tetapi menyangka mereka membuat *islah*:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi”, mereka menjawab: “Sesungguhnya Kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan”. Ketahuilah! Bahawa Sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyadarinya.”

(Surah al-Baqarah, 2: 11-12)

Dalam sejarah Islam juga, seperti yang telah disebut, tidak ada yang dinamakan kelompok otoritarian agama atau *clergy* yang mendominasi secara sakral kewibawaan agama sebagaimana yang terjadi terhadap masyarakat Kristian sehingga mencetuskan gerakan pembebasan yang dilakukan oleh kelompok reformis seperti Lutheran dan Calvinian (kelompok liberal awal). Dalam Islam, asas utama dalam pentafsiran agama ialah asas ilmu yang mendalam terutama dalam bidang agama dan bidang-bidang berkaitan. Dengan itu, ijтиhad bukan monopoli kelompok agama dan bukan juga hak semua individu. Ia berkait rapat dengan kewibawaan ilmu mereka yang melaksanakan ijтиhad atau pentafsiran agama. Demikianlah ulama dalam Islam dihormati kerana kewibawaan ilmunya dan bukan kesakralan posisinya. Oleh itu, kita khawatir kelompok IL akan hanya membawa masuk isu-isu palsu (*pseudo-problems*) ke dalam wacana pemikiran Islam. Mungkin apa yang lebih wajar dilakukan oleh umat Islam hari ini ialah bersikap lebih *tawadu'* terhadap ilmu dengan menuntut ilmu dan mempertingkatkan kewibawaan ilmiah masing-masing.

Kenapa Timbul Islam Liberal: Krisis Memahami Islam²⁰

Mungkin boleh dikaji dengan lebih mendalam lagi salah satu sebab timbulnya pegangan IL ialah kurangnya kefahaman tentang Islam. Amat perlu misalnya “penyaksian” (syahadah) difahami dengan jelas dan sains boleh membantu dalam proses penyaksian ini. Wujudnya alam adalah bukti wujudnya Pencipta. Selain Allah, segala yang bergelar makhluk termasuk diri manusia adalah alam. Alam tabii amat hampir dengan manusia tetapi jarang sekali manusia

²⁰ Azizan baharuddin. (2018). I'jaz al-Quran Dari Sudut Sains dan Kepentingan Tadabbur. *Seminar gagasan Peradaban Al-Quran*. Dewan Tan Sri Annuar Musa, SMK Kadok, Kelantan. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM).

memikirkannya. Alam sebenarnya adalah manifestasi kewujudan dan kekuasaan Allah. Sebab-sebab berlakunya krisis adalah kerana tidak memahami al-Qur'an itu apa, sifat-sifat dan nama-nama al-Qur'an dan perkaitannya dengan kehidupan serta kelebihan al-Qur'an sebagai *i'jaz* atau mukjizat. Dalam surah ar-Rum, ayat 41 dan 42, Allah telah berfirman yang bermaksud:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). Katakanlah: "Mengembalalah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang telah lalu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik".

(Surah ar-Rum, 30: 41-42)

Memahami Al-Qur'an

Al-Qur'an berasal daripada perkataan *qara'a* yang bererti "dibaca" atau "bacaan". Di dalam al-Quran sendiri maksud kata "Qur'an" disebut dalam ayat 17 dan 18 surah (75) al-Qiyaamah, yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu"

(Surah al-Qiyaamah, 75: 17-18)

Definisi al-Quran secara lengkap ialah “kalam Allah SWT yang merupakan *mu’jizat* yang diturunkan (diwahyukan) kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS dan yang ditulis di mushaf dan diriwayatkan dengan *mutawatir* serta membacanya adalah ibadah, dimulakan dengan surah al-Fatiyah dan diakhiri dengan surah an-Nas”.

Ciri-Ciri Al-Qur'an

Ciri-ciri yang terdapat pada al-Qur'an adalah sebagai cahaya seperti yang disebutkan di dalam surah al-Mai'dah ayat 15 yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya.”

(Surah Al-Ma'idah (5):15)

Nama-nama lain bagi al-Qur'an adalah *Al-Kitab/Kitabullah*, *Al-Furqaan* (Pembeda), *Adz-Dzikir* (Peringatan), *Al-Qalam* (Pena), *An-Nur* (Cahaya). Al-Qur'an juga menjadi alat ukuran kualiti manusia seperima yang disebutkan di dalam hadith Nabi SAW, iaitu:

Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.

(HR Bukhari)

Sampaikanlah dariKu meskipun (hanya) satu ayat.

(HR Bukhari)

Di dalam surah Al-Baqarah, ayat 2-4 juga, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwah; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).”

(Surah al-Baqarah, 2: 2-4)

Kemukjizatan (I'jaz) al-Qur'an

Al-Quran adalah *i'jaz* (hujah/mukjizat), kerana antara ciri-cirinya, ianya mengandungi fakta/data peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan yang akan berlaku sejak zaman kerasulan Nabi Muhammad SAW secara sekaligus. Sebahagian dari maklumat saintifik di dalam al-Qur'an tidak mungkin diketahui oleh Rasulullah yang *ummiyyin* (buta huruf) pada 1400 tahun lalu yang hanya dapat dibuktikan/dijelaskan oleh sains moden 100-200 tahun yang lalu. Al-Quran mengandungi lebih 800 ayat berkaitan sains & teknologi (alam tabii). Salah satu ayat yang diwahyukan berkaitan sains adalah *Surah al-'Alaq*.

“Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang

keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandanganmu - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?"

(Surah al-Mulk, 67: 3)


Penerimaan wahyu diiringi oleh perubahan-perubahan dan kesan-kesan psiko-fisiologi, pada diri Baginda yang dapat dilihat oleh mereka yang berada di sekelilingnya. Wahyu turun pada masa dan kondisi diri beliau yang berbagai. Wahyu turun tanpa mengambilkira keadaan perasaan dan jasad Nabi pada ketika ia turun yang menunjukkan bahawa ‘Quran’ adalah satu fenomena bersifat ‘di luar’ diri Baginda sekaligus menjawab tuduhan ke atas Baginda yang dikatakan membuat sendiri al-Qur'an itu. Proses ‘tanzil’ sendiri boleh difahami (bagi mereka yang memerlukannya) sebahagiannya secara saintifik.

Pelan Tindakan – Bagaimana Menangani IL?

Adalah menjadi satu sumbangan yang lebih besar kepada agama dan masyarakat Islam secara keseluruhannya sekiranya para ulama, pemikir Islam dan para profesional Muslim kini dapat mencetuskan satu kerjasama antara usaha masing-masing untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat serta melakukan kajian semula yang mendalam terhadap tradisi Islam. Berikut adalah cadangan praktikal yang mungkin dapat dilakukan oleh kelompok ulama atau intelektual moden (ulama’ – umarak) bagi memastikan matlamat tersebut tercapai:

- i. Menerbitkan secara berkala dan konsisten bahan-bahan yang memperkenalkan idea-idea besar ulama silam dan juga moden.
- ii. Menganjurkan seminar dan diskusi ilmu yang serius dalam membahaskan isu-isu penting berkaitan tradisi dan kemodenan dengan cara yang mengharmonikan diantara kedua-duanya.
- iii. Menganjurkan kursus-kursus membaca teks-teks penting dalam tradisi Islam di dalam pelbagai bidang keagamaan.


- iv. Menggiatkan penyelidikan atau program yang menggalakkan tadabbur al-Qur'an dari sudut sains seperti yang telah dilaksanakan oleh IKIM dalam pelbagai bidang seperti halal, alam sekitar, dan *hiwar* (dialog).



Contoh: Program dan penerbitan buku IKIM berkaitan sains dan Islam

Pendekatan *tafakkur* boleh juga dicadangkan untuk menangani ancaman liberalisme ini. Proses berfikir yang disarankan oleh tokoh-tokoh pemikir Muslim mendapati bahawa apabila aktiviti berfikir adalah berdasarkan ilmu pengetahuan yang diseimbangi dengan perasaan takut, cinta dan tanggungjawab kepada Allah yang disebut sebagai ‘tafakkur’. Tafakkur bererti renungan; bermenung memikirkan sesuatu dengan bersungguh-sunguh. Tafakkur perlu digalakkan dalam silibus pendidikan Islam seperti yang disarankan oleh Prof. Ulung Tan Sri Dr. Kamal Hassan,

Mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melalui bukunya *Natural Science from the Worldview of Al-Quran*²¹.



Buku *Natural Science from the Worldview of the Quran*

Professor Ulung (Emeritus) Tan Sri Dr. Kamal Hassan juga telah menjalankan satu projek bersama Institut Terjemahan Negara (ITBM), dan lebih 100 orang saintis daripada pelbagai disiplin ilmu (fizik, biologi, kimia) dalam mengupas ayat-ayat *qauniyyah* dalam Al-Quran sebagai satu bentuk tarbiyyah/pendekatan tadabbur alam/sains atau pendekatan sains tauhidik.

Pendekatan teknologi dengan cara memanfaatkan penggunaan sains dan teknologi demi menyebarluaskan dakwah dan kefahaman mengenai Islam juga boleh dicadangkan bagi mendepani golongan liberal. Dalam konteks ini, IKIM terlibat aktif dalam penyelidikan berkaitan al-Qur'an dan sains melalui Pusat Penyelidikan Sains dan Alam Sekitar IKIM (KIAS). Kolaborasi

²¹ Kamal Hassan, M. (2018). *Natural Science from the Worldview of the Quran*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara.

penyelidikan dilakukan bersama pusat/institut/universiti dalam bidang sains dan agama secara holistik. IKIM sebagai institusi *public scholarship* turut melibatkan diri bersama masyarakat melalui media (radio, TV) dalam isu-isu terpilih sains dan masyarakat melalui slot Islam & Sains. Pada masa sama, pelbagai program seminar/ muzakarah pakar dan penerbitan buku-buku berkaitan isu-isu Sains, ekonomi, kesihatan, alam sekitar & Islam dijalankan.



Cadangan tindakan menangani liberalisme

Kesimpulan

Amat perlu usaha kolektif antara agensi agama, para intelektual Islam dan badan/agensi berkaitan dalam menangani gerakan liberalisme di kalangan masyarakat dimulakan serta merta . Sistem perundangan Islam yang berpaksikan Al-Quran dan as-Sunnah perlu dilihat sebagai sumber utama dalam menangani gerakan liberalisme. Sistem pendidikan Islam juga perlu diintegrasikan dengan sains dan ilmu lain dengan memastikan guru Pendidikan Islam dan juga guru sains dan lain-lain dapat bekerjasama dalam pengajaran kedua-dua subjek ini supaya iaanya dapat dilaksanakan secara bersepada. Pihak kerajaan (sebagai badan eksekutif) pula perlu memainkan peranan secara proaktif dan berhemah dalam menangani isu-isu yang timbul.

Beberapa pendekatan yang lebih terarah perlu diambil dalam menghadapi aliran liberalisme secara bijaksana. Liberalisme bersifat seragam tetapi hakikatnya ia datang dengan keadaan yang berbeza dan pada peringkat-peringkat yang tertentu. Sebagai permulaan, seseorang yang mahu menghadapi golongan liberal atau kefahaman liberalisme ini perlu memetakan sub-kelompok liberalis dengan menjelaskan perbezaan antara mereka dari segi asas dan prinsip mereka. Aliran liberalisme ini juga timbul sebagai respon atau tindak balas kepada aliran yang tertutup atau *jumud*, kadangkala bersifat ekstrem dalam mentafsirkan sumber agama secara sempit sehingga membawa kepada kekerasan dan kezaliman kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam. Penyelesaian yang lebih harmoni antara kedua-dua kelompok ekstrem ini adalah dengan mengutarakan melalui dialog/hiwar, sudut pandang yang lebih seimbang, adil serta sederhana bertepatan dengan kerangka pandangan alam Islami.

Rujukan

Abu Bakar, Z.R. (2012). Peranan Secara Kolektif Agensi Agama dan Para Intelektual Islam Menangani Gerakan Liberalisme dan Pragmatisme. *Seminar Pemikiran Liberalisme dan Pragmatisme: Hakikat dan Realiti*. Jabatan Agama Islam Selangor: Shah Alam.

Abu Mansur Al Maturidi. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil pada 8 November 2018, atas talian: https://ms.wikipedia.org/wiki/Abu_Mansur_Al_Maturidi

Andrew F. March, *Islam and Liberal Citizenship: The Search for an Overlapping Consensus*, 2009, Oxford Scholarship Online, May 2009, DOI: 10.1093

Azizan Baharuddin. (2018). I'jaz al-Quran Dari Sudut Sains dan Kepentingan Tadabbur. *Seminar gagasan Peradaban Al-Quran*. SMK Kadok, Kelantan.

Berita Harian, Waspada Umpam Istilah ‘Islam Liberal’. 28 Ogos 2018. Diambil pada 29 September 2018, atas talian: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/08/466911/waspada-umpan-istilah-islam-liberal>

Berita Harian. MAIS Tegas Fatwa di Bawah Kuasa Mahkamah Syariah. 25 September 2018. Diambil pada 29 September 2018, atas talian: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/478063/mais-tegas-fatwa-di-bawah-kuasa-mahkamah-syariah>

Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Diambil pada 29 September 2018, atas talian: <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=liberalisme>

Edmund Fawcett (2014). *Liberalism: The Life of an Idea*. New Jersey: Princeton University Press

HALUAN Portal (2006). Diambil pada 29 September 2018, atas talian:

<http://www.haluan.org.my/v5/topik-pilihan/ancaman-islam-liberal/1484-sepintas-lalu-lima-rukun-pemikiran-islam-liberal>

Hishamuddin Ayub. Demi Agenda Hawa Nafsu. Mega Mimbar, Utusan Malaysia, 28 September 2018.

History of Liberalism. *Wikipedia, The Free Encyclopedia*. Diambil pada 29 Oktober 2018, atas talian: https://en.wikipedia.org/wiki/History_of_liberalism

Jabatan Agama Islam Selangor. Fahaman Perosak Akidah. Mega Mimbar, Utusan Malaysia, 28 September 2018.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016). *Kenyataan Media berkenaan Isu Interfaith Commission (IFC) dan Persatuan Melayu Murtad*.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*.

Kamal Hassan, M. (2018). *Natural Science from the Worldview of the Quran*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara.

Khalif Muammar, Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal; pengantar Dato' Dr. Siddiq Fadzil. (Akademi Kajian Ketamadunan, 2006), 1-4.

Khalijah, M.S. (1992). Pemasyarakatan Sains: satu proses evolusi spontan atau perencanaan. In O. Mohd Yusof (Ed.), *Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains Jilid 1* (pp. 50-59). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krauss, S.E. (2005). *Development of the Muslim religiosity-personality inventory for measuring the religiosity of Malaysian Muslim youth.* Community and Peace Studies. (Tesis Phd) Universiti Putra Malaysia.

Liberal. *Online Etymology Dictionary.* Diambil pada 29 September 2018, atas talian:
<https://www.etymonline.com/word/liberal>

Liberalisme. Wikipedia, Ensiklopedia Bebas. Diambil pada 29 Oktober 2018, atas talian:
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>

Lily Zubaidah Rahim, *Between Liberal and Liberal Islam in Southeast Asia*, Liberal and Liberal Islam in Southeast Asia

Malik Badri (2000). *Contemplation: An Islamic psychospiritual study.* Kuala Lumpur: Madeena Books.

Manuti, M.N. (2006). Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya Kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi. *Seminar Ancaman Islam Liberal.* Kelantan.

Mazheruddin Siddiqi, Modern Reformist Thought in the Muslim World (New Delhi: Adam Publishers and Distributors, 1993), 1-2.

Mohamad, A. R., Mamat, S. A, Mohd, M. A. (2017). Interfaith Commission Malaysia: Analisis Ke Atas Penubuhannya Dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.

Mohd Shahran, M. F. (2018). Liberalisme Agama, Media Baharu Serta Cabaran Kecelaruan Nilai. *Seminar Liberalisme dan Media Sosial*. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Mohd Shahran, M.F. (2018). Liberalisme Agama, Media Baharu serta Cabaran Kecelaruan Nilai. *Seminar Liberalisme dan Media Sosial*. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Mohd Shahran. M. F. (2006). Islam Liberal dalam Peta Pemikiran Islam Semasa. *Seminar Ajaran Sesat (Aliran Pemikiran Islam Liberal) Peringkat Negeri Selangor*. Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam.

Mustafa, Z. (2018). *Tahap Religiositi dan fasa Proses Berfikir Dalam Kalangan Murid Yang Mengikuti Program Bioda'i*. (tesis Phd) Universiti Sains Malaysia.

New Straits Times, 18 Januari 2006.

Niat Jahat di Sebalik Liberalisme. Mega Mimbar, Utusan Malaysia, 28 September 2018.

Paula J. Posas. (2007). Roles of Religion and Ethics in Addressing Climate Change. ESEP Vol 2007: 31-49

Rosnani, H. (2015). *Kajian keberkesanan kaedah pengajaran, sukanan pelajaran dan pentaksiran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan: Dapatkan Keseluruhan dan Analisis*. Kertas kerja di Muzakarah Pakar Pembentangan Kajian Keberkesanan Pendidikan Islam, 20 Oktober 2015, Dewan Besar IKIM. Kuala Lumpur.

Shahiful Azhar. 10 Sifat mahmudah (Terpuji) Lawan 10 Sifat Mazmumah (terkeji) ... Cuba Check Hati Kita. (7 Mei 2013). Atas talian: <https://es-la.facebook.com/notes/shahiful-azhar/10-sifat-mahmudahterpuji-lawan-10-sifat-mazmumahterkejicuba-check-hati-kita/459179047489929/>

Shazwan Mustafa Kamal. Malay Mail. 6 Julai 2018. *Despite 'Liberal' Tag, Mujahid Pledges To Push Interfaith Talks As Religious Affairs Minister.* Atas talian: <https://www.malaymail.com/s/1649330/despite-liberal-tag-mujahid-pledges-to-push-interfaith-talks-as-religious-a>

Sherman Jackson. 4 Februari 2016. The Impact of Liberalism, Secularism and Atheism On tHe American Mosque. American Learning Institute for Muslims. Atas talian: <https://www.alimprogram.org/articles/impact-of-liberalism-secularism-atheism-on-american-mosque/>

Syamsuddin Arif, Orientalis dan Diabolisme Pemikiran, (Jakarta: Gema Insani, 2008), 77.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam and Secularism (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 33.

Utusan Malaysia, 21 Disember 2005.

Wan Ali, W. Z. K. (1994). Aliran *Al-asy'ari* dan *al-Asya'irah*: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya dalam Dunia Islam Khususnya di Alam Melayu.
http://eprints.um.edu.my/3668/1/Al-Asy'ariyyah_Dalam_Dunia_Islam_dan_Malaysia.pdf

Warta Kerajaan Negeri Selangor (2014). *Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)*

Zamir Mohyed. Apa Itu Neo-Liberalism? – The Patriots. Diambil pada 26 Oktober 2018. Atas talian: <https://www.thepatriots.asia/apa-itu-neo-liberalism/>

10 Principles of Classical Liberalism. *Quizlet*. Diambil pada 30 Oktober 2018, atas talian: <https://quizlet.com/50749456/10-principles-of-classical-liberalism-flash-cards/>